



## MAJLIS ISLAM SARAWAK

ARAS 16 & 17,  
MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM  
SHAH,  
JALAN P.RAMLEE,  
93400 KUCHING, SARAWAK.

Emel : mis50@sarawak.gov.my  
Laman Web : www.mis.sarawak.gov.my

PEJABAT YANG DIPERTUA  
TEL :082-507214 FAKS :082-507240

PEJABAT SETIAUSAHA  
TEL :082-507215 FAKS :082-507241

TALIAN AM  
TEL :082-507251/507250 FAKS:082-507254



Rujukan kami : JAIS/KIM/PMS/700-2/1/1 Jld II (34)  
Tarikh : 9 Oktober 2023M/ 23 Rabiulawal 1445H

### Semua Pengerusi

### Lembaga Amanah Kebajikan/ Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau Seluruh Sarawak

السلام عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan,

### **BACAAN QUNUT NAZILAH UNTUK KESELAMATAN RAKYAT PALESTIN**

**Majlis Islam Sarawak** menzahirkan rasa dukacita atas konflik terbaru di Gaza, Palestin yang telah mengorbankan ramai nyawa serta penindasan dan kezaliman yang berterusan oleh rejim zionis kepada seluruh rakyat Palestin.

2. Sehubungan itu, Majlis Islam Sarawak menasihatkan semua Lembaga Amanah Kebajikan dan Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau di seluruh Sarawak untuk **memastikan Imam melaksanakan Bacaan Qunut Nazilah ketika i'tidal pada rakaat terakhir setiap kali Solat Fardu bermula pada Isnin, 23 Rabiulawal 1445H bersamaan 9 Oktober 2023M sehingga 23 Rabiulakhir 1445H bersamaan 7 November 2023M**. Bersama ini disertakan panduan dan teks Qunut Nazilah untuk rujukan dan tindakan pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan di **Lampiran A**.

3. Semoga dengan usaha ini, Allah SWT memakbulkan doa kita dan diberi perlindungan kepada seluruh rakyat Palestin. Atas Kerjasama dan tindakan pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan berbanyak terima kasih.

Sekian, harap maklum.

**"PEMACU KECEMERLANGAN UMMAH"**

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**

**"AN HONOUR TO SERVE"**

**(USTAZ HAJI KHALIDI BIN HAJI IBRAHIM)**

Setiausaha

Majlis Islam Sarawak

- Salinan Kepada : 1. Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak  
2. Setiausaha Sulit Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Utiliti) Sarawak  
3. Semua Pegawai Agama Islam Bahagian

## **PANDUAN MEMBACA QUNUT NAZILAH DALAM SOLAT**

Qunut nazilah ertinya membaca doa kerana sesuatu bala bencana supaya kita dilindungi Allah dari bahaya.

### **Cara Membaca Qunut Nazilah**

1. Qunut Nazilah boleh dibaca pada setiap solat fardhu (iaitu Zohor, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh) dan solat Jumaat.
2. Dibaca pada rakaat terakhir. Contohnya, dalam rakaat kedua pada solat fardhu Jumaat.
3. Dibaca dalam keadaan berdiri, semasa iktidal, sebelum bergerak turun untuk sujud.
4. Dibaca oleh imam dengan suara yang boleh didengari oleh makmum, dan makmum membaca ‘amin’. (Jika imam tidak hafal, maka bolehlah membaca sambil memegang kertas yang tertulis padanya doa qunut nazilah, atau diletakkan tulisan tersebut di hadapan imam).
5. Tidak perlu mengusap atau menyapu tangan ke muka setelah selesai membaca doa qunut nazilah, malah hendaklah terus sujud seperti biasa.

**Peringatan:** Imam hendaklah memberitahu para jemaah bahawa qunut akan dibaca di dalam solat agar mereka mengaminkan bersama doa tersebut.

## **DOA QUNUT NAZILAH (Pilihan 1)**

اللَّهُمَّ اهْدِنَا فِيمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنَا فِيمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنَا فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ،  
وَبَارِكْ لَنَا فِيمَا أَعْطَيْتَ، وَقِنَا بِرَحْمَتِكَ شَرًّا مَا قَضَيْتَ، فَإِنَّكَ تَقْضِي  
وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ، وَإِنَّهُ لَا يَذِلُّ مَنْ وَالَّتَّ، وَلَا يَعْزُزُ مَنْ عَادَيْتَ،  
تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ، فَلَكَ الْحَمْدُ عَلَى مَا قَضَيْتَ، وَنَسْتَغْفِرُكَ  
وَنَتُوْبُ إِلَيْكَ،

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذْلِلَ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِرْ  
أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ الَّذِينَ قَاتَلُوا  
إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ بَدِدْ شَمْلُهُمْ وَفَرَقْ جَمْعَهُمْ،  
وَشَتَّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلَّ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلَطْ عَلَيْهِمْ كُلُّا مِنْ كِلَابِكَ، يَا  
قَهَّاُرُ يَا جَبَّاُرُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ.

اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ، وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ، وَيَا هَازِمَ الْأَخْرَابِ،  
إِهْرِمْهُمْ وَانْصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا فِي كُلِّ مَكَانٍ وَخُصُوصًا فِي بِلَادِ فَلَسْطِينَ، وَارْفَعْ  
عَنْهُمُ الْقَحْطَ وَالْبَلَاءَ وَالْحَرْبَ وَالْاعْتِدَاءَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمَّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

**Terjemahan :**

Ya Allah! Berikanlah kami hidayah sebagaimana mereka yang telah Engkau beri hidayah. Berikanlah keafiatan kepada kami sebagaimana mereka yang telah Engkau berikan keafiatan. Peliharalah kami sebagaimana orang yang telah Engkau peliharakan. Kurniakanlah keberkatan kepada kami pada apa-apa yang telah Engkau kurniakan. Dan selamatkanlah kami dengan rahmat-Mu dari bahaya yang telah Engkau tetapkan. Maka sesungguhnya, Engkaulah yang menetapkan (hukuman) dan bukannya yang ditetapkan ke atas-Mu. Dan sesungguhnya tidak hina orang yang Engkau pimpin. Dan tidak mulia orang yang Engkau musuhi. Maha Suci Engkau wahai Tuhan kami dan (Tuhan Yang) Maha Tinggi. Maka bagi Engkaulah segala pujian di atas apa yang Engkau tetapkan. Kami memohon ampun dari-Mu dan kami bertaubat kepada-Mu.

Ya Allah! Muliakan Islam dan kaum muslimin. Hinakan golongan yang melampaui batas lagi zalim. Hancurkan ya Allah musuh-musuh-Mu, musuh-musuh agama. Ya Allah, turunkanlah hukuman-Mu ke atas kaum Yahudi yang telah melakukan kezaliman dengan membunuh saudara-saudara kami kaum muslimin di Palestin. Ya Allah, hancurkanlah kumpulan mereka, pecahkanlah pakatan dan kesepakatan mereka, leburkanlah pendirian mereka, kalahkanlah mereka dengan anjing daripada anjing-anjing-Mu, wahai Allah Yang Maha Gagah, wahai Allah Yang Maha Perkasa, Wahai Allah Yang Maha Membalas. Ya Allah, Ya Allah, Ya Allah. Wahai Allah yang menurunkan Kitab (al-Quran), Wahai Allah Yang Menggerakkan Awan, Wahai Allah yang menewaskan tentera Ahzab (bersekutu), kalahkanlah mereka. Bantulah kami dalam mencapai kemenangan ke atas mereka, wahai Tuhan sekalian alam.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami (orang Islam) di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Angkatkanlah daripada mereka kemarau, bala bencana, perang dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat. Dan semoga Allah mencurahkan rahmat dan sejahtera ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan keluarganya dan para sahabatnya.

## **DOA QUNUT NAZILAH (Pilihan 2)**

اللَّهُمَّ اهْدِنَا فِيمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنَا فِيمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنَا فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ،  
وَبَارِكْ لَنَا فِيمَا أَعْطَيْتَ، وَقِنَا بِرَحْمَتِكَ شَرًّا مَا قَضَيْتَ، فَإِنَّكَ تَقْضِي  
وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ، وَإِنَّهُ لَا يَذِلُّ مَنْ وَالَّتَّ، وَلَا يَعْزُزُ مَنْ عَادَيْتَ،  
تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ، فَلَكَ الْحَمْدُ عَلَى مَا قَضَيْتَ، وَنَسْتَغْفِرُكَ  
وَنَتُوْبُ إِلَيْكَ،

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذْلِلَ الْمُعْتَدِلِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ  
أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ  
وَخُصُوصًا فِي فَلَسْطِينَ، وَارْفَعْ عَنْهُمُ الْقَحْطَ وَالْبَلَاءَ وَالْحَرْبَ  
وَالْأَعْتِداءَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمَّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

**Terjemahan :**

Ya Allah! Berikanlah kami hidayah sebagaimana mereka yang telah Engkau beri hidayah. Berikanlah keafiatan kepada kami sebagaimana mereka yang telah Engkau berikan keafiatan. Peliharalah kami sebagaimana orang yang telah Engkau peliharakan. Kurniakanlah keberkatan kepada kami pada apa-apa yang telah Engkau kurniakan. Dan selamatkanlah kami dengan rahmat-Mu dari bahaya yang telah Engkau tetapkan. Maka sesungguhnya, Engkaulah yang menetapkan (hukuman) dan bukannya yang ditetapkan ke atas-Mu. Dan sesungguhnya tidak hina orang yang Engkau pimpin. Dan tidak mulia orang yang Engkau musuhi. Maha Suci Engkau wahai Tuhan kami dan (Tuhan Yang) Maha Tinggi. Maka bagi Engkaulah segala pujian di atas apa yang Engkau tetapkan. Kami memohon ampun dari-Mu dan kami bertaubat kepada-Mu.

Ya Allah! Muliakan Islam dan kaum muslimin. Hinakan golongan yang melampaui batas lagi zalim. Hancurkan ya Allah musuh-musuh-Mu, musuh-musuh agama. Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami (orang Islam) di mana sahaja mereka berada, khususnya di Palestin. Angkatkanlah daripada mereka kemarau, bala bencana, perang dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Dan semoga Allah mencurahkan rahmat dan sejahtera ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan keluarganya dan para sahabatnya.